

Gambaran Keseluruhan:

Terdapat beberapa langkah yang dapat dijadikan panduan semasa mengajar dengan menggunakan aktiviti kraf. Yang berikut ialah langkah-langkah tersebut:

#1 Memilih aktiviti kraf yang sesuai

Guru memilih aktiviti kraf yang sesuai dengan tema yang diajarkan dan menyiapkan bahan-bahan yang diperlukan.



Guru memilih aktiviti kraf berdasarkan tema yang diajarkan.

#2 Menunjukkan sampel kraf dan menyebut perkataan-perkataan baharu

Guru menunjukkan kepada kanak-kanak sampel gambar kraf yang akan dihasilkan. Guru menyebutkan kepada kanak-kanak bahan-bahan yang akan digunakan.



Guru mengajak kanak-kanak untuk menyebut perkataan-perkataan.

#3 Memberikan bahan-bahan yang telah disiapkan

Guru memberikan bahan-bahan yang telah disiapkan kepada kanak-kanak. Kanak-kanak mula membuat kraf.



Guru memberikan bahan-bahan kraf kepada kanak-kanak.

#4 Menggalakkan kanak-kanak berkongsi

Guru mengajak kanak-kanak untuk berkongsi kraf yang telah dihasilkan dengan kanak-kanak lain melalui aktiviti 'Unjuk & Ujar'.



Kanak-kanak berkongsi hasil kerja mereka dengan kanak-kanak lain.

**Guru digalakkan untuk mempamerkan hasil kerja kanak-kanak di dalam bilik darjah.*

